

Dr Mastura Badzis →

bhnta@bharian.com



Puan Naz: Saya ada anak lelaki berusia lima tahun. Dia bertutur setiap hari dalam bahasa Inggeris walaupun saya berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Dia akan bersekolah tidak lama lagi, saya risau jika dia tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan memahaminya di dalam kelas. Apakah yang patut saya lakukan supaya dia tidak terkejut dengan suasana baru?

Kanak-kanak dari segi biologinya tersedia dengan keupayaan berbahasa, namun pada masa sama persekitaran memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasanya.

Apabila si kecil bergerak aktif di dalam interaksi sosial, secara tidak langsung ia akan memahirkan diri dan berkebolehan menggunakan bahasa. Ini bererti kanak-kanak itu sendiri memainkan peranan penting dalam memperkembangkan bahasanya dan akan mencuba, menilai serta 'membuat formula' mengenai peraturan sesuatu bahasa.

Meskipun kanak-kanak banyak memperoleh keupayaan bertutur melalui pemerhatian dan meniru pertuturan, interaksi antara ibu bapa, pengasuh atau pendidik dengan kanak-kanak adalah perkara asas memberi kefahaman mengenai butiran maksud dipertuturkan.

Dalam konteks *biligualisma* atau pembelajaran dua bahasa, ada kanak-kanak mempelajari dua bahasa secara serentak sebagai contohnya setiap ibu atau bapa kepada si kecil bercakap secara konsisten dua bahasa.

Kuasai dua bahasa

Bilingualisma berlaku dalam konteks di mana kanak-kanak memperoleh atau mempelajari bahasa keduanya selepas menguasai bahasa ibundanya iaitu apabila mereka mula ke sekolah.


Apabila kanak-kanak mempelajari dua bahasa secara serentak sejak awal usia, kajian saintifik mendapati kedua-dua bahasa ini berkongsi kawasan otak yang bertanggungjawab dari segi pengeluaran kata-kata dan beberapa aspek tatabahasa.

Namun, jika pembelajaran bahasa kedua berlaku selepas menguasai bahasa pertama, 'kawasan otak' itu terbahagi sama rata untuk penguasaan kedua-dua bahasa.

Sejauh mana kanak-

Keliru bahasa

» Rangsang, galak kanak-kanak berkomunikasi bilingualisma



Rancangan televisyen seperti Barney dan Dora the Explorer memberi kesan terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak.

kanak itu boleh menguasai salah satu daripada kedua-dua bahasa itu bergantung kepada sejauh mana mereka didedahkan dengan persekitaran dapat merangsang perkembangan kedua-dua bahasa.

Ibnu Khaldun di dalam buku penulisan al-muqaddimah berpandangan bahasa adalah cara terbaik manusia menyampaikan niatnya dengan sempurna. Bahasa adalah *a habit of tongue* yang boleh dikuasai dengan baik oleh seseorang melalui pembelajaran intensif dan latihan yang konsisten.

Sukar luah perasaan

Kerjasama dan organisasi sosial memainkan peranan penting kerana tanpa kerjasama sosial (mamusia dan persekitarannya) secara semula jadi kanak-kanak itu akan merasa tidak selesa dan sukar meluahkan perasaan dan keinginannya dengan sempurna.

Kebiasaan linguistik yang baik ialah apabila tiada halangan antara idea atau pemikiran seseorang yang mempelajari sesuatu

bahasa dengan pemahaman. Dalam erti kata lain, dalam merangsang penguasaan bahasa kedua, ibu bapa atau pendidik dan kanak-kanak mestilah mempunyai inter-

berusia dua tahun mengenai konsep bilangan atau nombor menggunakan bola pelbagai warna dan menggunakan bahasa kedua dalam pengajarannya ada kemungkinan kanak-kanak memahami apa yang cuba disampaikan oleh ibunya ialah warna bola dan bukannya bilangan bola.

Kemungkinan yang berlaku di sini ialah niat ibu untuk memberitahunya mengenai bilangan tetapi si kecil menganggap si ibu mahu bercerita mengenai warna-warna bola itu. Dalam hal ini, jika *good linguistik habit* dikuasai kanak-kanak, mereka tidak akan menghadapi masalah dan kesukaran dalam menerimanya.

Pengaruh TV

Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua melalui rancangan televisyen berbentuk pendidikan seperti *Sesame Street*, *Barney*, *Dora the Explorer* dan sebagainya, memang ada kajian yang membuktikan rancangan seperti ini memberi kesan baik terhadap penguasaan bahasa kedua dalam kalangan kanak-kanak terutama dari aspek pertuturan.

Namun, keberkesanan program seperti tertakluk kepada reka bentuk program, usia kanak-kanak yang menontonnya, bagaimana kanak-kanak menontonnya (adakah si kecil menonton bersendirian atau ada orang dewasa menonton bersamanya untuk berinteraksi) dan sejauh manakah pengisian dalam program itu bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Ibubapa juga perlu mengambil kira televisyen adalah medium pembelajaran yang berbentuk pasif, tiada komunikasi dua hala, tiada

hubungan kemanusiaan, tidak mampu menjelaskan sesuatu bersifat abstrak dan ada kesan negatif dari aspek kesihatan dan aspek pemikiran. Pembelajaran bahasa bukan sekadar penurunan dan penyebutan perkataan tetapi juga memabitkan pemahaman maksud dan penggunaan bahasa tersebut dalam konteks sosial.

Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnta@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 51100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

INFO

Prinsip utama perlu difahami ibu bapa

© Kanak-kanak berpeluang mempelajari dua bahasa perlu dirangsang menggunakan kedua-dua bahasa agar dia tidak 'hilang' penguasaan salah satu dari bahasa itu.

© Elakkan bercakap bahasa rojak dengan kanak-kanak kerana ini akan menyebabkan keliru dengan perbendaharaan kata dan struktur sesuatu ayat.

© Kanak-kanak perlu digalakkan 'membuat eksperimen' sesuatu bahasa baru yang dipelajarinya. Jika ada kesalahan dalam penggunaan perkataan dan sebagainya, elakkan dari menyebut 'that's wrong' sebaliknya terus bertutur sebuatan atau ada orang dewasa menontong bersamanya untuk berinteraksi.

© Galakannya bercakap dengan rakan sebaya sama-sama cuba menguasai bahasa kedua. Kanak-kanak banyak belajar daripada pengalaman rakan sebaya sewaktu bermain.

© Rangsangan dan galakan membaca buku kedua-dua bahasa amat diperlukan atau anda membacakan buku untuknya.

© Belajar melalui nyanyian dan lirik lagu kanak-kanak yang boleh diperkenalkan secara berperingkat dalam kedua-dua bahasa.

© Kenali minat dan kesukaannya dan cuba bercakap dengan bahasa yang boleh diperkenalkan secara berperingkat dalam kedua-dua bahasa.

© Kreatif menyediakan persekitaran dapat merangsang anak bercakap dalam bahasa sedang dipelajarinya.

